

'Tiada larangan pelajar, IPTA sertai program anjuran Kerajaan PN' - KPT

Oleh Mohd Amin Jalil - September 19, 2023 @ 5:39pm
bhnews@bh.com.my



Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mohammad Yusof Apdal (kiri) menyampaikan Anugerah Ketua Pengarah kepada Nurul Balqis Abdul Nasir dari Kolej Komuniti Nibong Tebal, Pulau Pinang pada Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) hari ini.

NILAI: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) tidak mengeluarkan sebarang arahan melarang mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) daripada menyertai program anjuran kerajaan negeri di bawah pentadbiran Perikatan Nasional (PN).

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mohammad Yusof Apdal, menegaskan dakwaan berkaitan perkara itu adalah tidak benar.

"Itu tak betul (dakwaan melarang IPTA sertai program di negeri PN), saya ingat kalau tanya di universiti-universiti di Sabah, Johor, tak tahu dari siapa yang dia dengar.

"Adakah ini mungkin satu kenyataan politik. Kita tidak pernah keluarkan arahan. Kalau sesiapa pun nak masuk (sertai) atau pelajar pun kalau nak bawa masuk kena ikut peraturan.

"Kita ada cara dan peraturan, jadi tak timbul soal larangan," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Konvokesyen Kememoratif Kolej Komuniti Malaysia di Dewan Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan, Pengajian Tinggi serta Sains, Teknologi dan Inovasi Kedah, Dr Haim Hilman Abdullah, yang meminta penjelasan KPT mengenai perkara berkenaan.

Haim Hilman dalam kenyataannya meminta KPT memberi penjelasan sama ada arahan dikeluarkan kepada mana-mana IPTA melarang terbabit dengan sebarang program dianjurkan Kerajaan Kedah.

Mengulas lanjut, Mohammad Yusof berkata, mana-mana pihak atau agensi atau institusi boleh sertai sebarang program termasuk di negeri di bawah pentadbiran PN, namun perlu ikut peraturan yang ditetapkan.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa bersikap terbuka dan mengalu-alukan sebarang program yang memberi nilai tambah kepada universiti dan mahasiswa.

"Jika ia tentunya sesuatu program itu dapat memperkasakan atau memberi nilai tambah kepada universiti atau mahasiswa, kenapa tidak (disertai)...tapi kena ikut garis panduan yang telah ditetapkan.

"Seperti juga jika penganjur nak masuk universiti kerana ikut garis panduan, sama juga seperti saya nak masuk mana-mana IPTA kena ada jemputan.

"Tegasnya, kita tiada masalah (untuk membenarkan IPTA) sertai sebarang program yang baik (diadakan di negeri tadbir PN)," katanya.